



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
PADA
MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KHAS MAULIDUR RASUL
SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL
PERINGKAT NEGERI MELAKA TAHUN 1443H/2021M
SEMARAK MAHABBAH RASULILLAH
TARIKH:19 OKTOBER 2021 (SELASA) , MASA: 9.20 PAGI
DI AUDITORIUM MASJID AL-AZIM,
BUKIT PALAH, MELAKA.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih saudara pengacara majlis;

Kehadapan Yang Dikasihi;

Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang Di-Pertua Negeri Melaka;

Yang Amat Berbahagia;

Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah Binti Abd Rahman;

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas kesudian untuk hadir pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka bagi tahun 1443 hijrah / 2021 Masihi.

***Indah nian si pohon jati,
Tempat bermain putera dan puteri,
Kehadiran Tun amat bererti,
Menjadikan majlis bertambah seri.***

2. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun pada hari ini amat bererti kepada kita semua dalam menyemarakkan rasa cinta dan kasih kepada junjungan mulia Rasulullah SAW.
3. Tuan Yang Terutama Tun, izinkan saya untuk meneruskan ucapan kepada dif-dif jemputan serta para hadirin pada majlis yang berbahagia ini.

**Yang Berhormat Dato' Ts Kamel bin Mohamad,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan Yang
Berbahagia Datin Dr. Puzziawati binti Abdul Ghani;**

**Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri
Melaka;**

**Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin
Tawil,
Mufti Kerajaan Negeri Melaka;**

**Yang Berbahagia Datuk Wira Hj Md Rawi bin Mahmud,
Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka;**

**Yang Berbahagia Dato' Che' Shukri bin Che' Mat,
Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka;**

**Yang Berusaha Tuan Haji Muhammad Ikram bin
Ibrahim,
Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka;**

Yang Berbahagia Datuk – datuk / Datin – datin;

Ketua – ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan;

**Seterusnya, Muslimin dan Muslimat Yang Saya Kasihi
Sekalian.**

4. Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat baginda dan para tabi'in yang mengikut jejak langkah baginda Rasulullah SAW hingga ke hari kiamat.

5. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah perkenan-Nya, dapat kita berhimpun pada pagi ini untuk kita sama-sama menyambut dan meraikan satu hari yang sangat istimewa iaitu hari kelahiran insan yang kita cintai, Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

6. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan setinggi – tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada agensi – agensi yang terlibat termasuk orang perseorangan yang turut menjayakan **Majlis Penyampaian Anugerah Khas Maulidur Rasul Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka di bawah program “Semarak Mahabbah Rasulillah”**.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

7. Tema sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini ialah ***“Manhaj Rabbani Ummah Berkualiti”***. Dasar ini bersifat jelas dan mampu diterjemahkan selain dilihat dekat dengan konsep masyarakat kita pada hari ini. Dasar Manhaj Rabbani ini juga penting dalam memacu pentadbiran Islam di Malaysia agar bersifat komprehensif, praktikal dan mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat termasuk bukan Muslim.

8. Saya difahamkan, ummah berkualiti yang di maksudkan di sini ialah **pertamanya, ummah yang meletakkan ciri rabbani sebagai keutamaan dalam cara hidup** dan **keduanya, yang menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai rujukan utama dalam kehidupan.** Berdasarkan konsep ini, saya berpandangan bahawa ummah berkualiti perlu mempunyai keseimbangan antara jasmani, emosi, rohani dan intelektual dalam menempuh cabaran hidup.

9. Dalam konteks cabaran hari ini, sebahagian besar daripada dasar kerajaan yang dilaksanakan adalah bertujuan bagi membendung wabak COVID-19 selain membantu golongan yang terjejas. Walaupun kes positif COVID-19 hari ini dilihat semakin berkurang, namun, kita perlu terus mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Bukan itu sahaja, saya menyeru kepada semua khususnya umat Islam untuk sama-sama menyokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sebagai usaha untuk kita memutuskan rantai wabak ini.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

10. Sebagai umat Islam, kita seharusnya menjadikan Rasulullah SAW sebagai **“qudwah hasanah”** iaitu sebagai suri tauladan. Amalkanlah dan hidupkanlah Sunnah Baginda, semaikan rasa cinta dan sayang kita dengan memperbanyakkan amalan sunnahnya, lebih-lebih lagi berselawat ke atas Baginda SAW.

11. Negara yang sejahtera dibentuk melalui keikhlasan dan komitmen semua pihak di samping mengekalkan semangat perpaduan dan kesefahaman. Sikap keterbukaan untuk menerima kepelbagaian haruslah diusahakan agar umat Islam dapat membentuk satu

umat yang benar-benar bersaudara dengan penuh kasih sayang. Mudah-mudahan dengan cara itu, kita menjadi umat terbaik dan mendapat keampunan Allah SWT.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

12. Kita bertanggungjawab dalam membina imej Islam yang lebih harmoni tanpa menggadaikan prinsip-prinsip asas misalnya, **tugas dakwah dan tanggungjawab amar maaruf nahi munkar perlu digerakkan atas asas dakwah bil hikmah, mau'izah hasanah dan perdebatan yang sihat,**

sesuai dengan pesan Allah SWT dalam surah **An-Nahl ayat 125** bermaksud:

“Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat pengajaran yang baik, dan bahaskanlah mereka secara yang baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dialah yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat petunjuk”.

13. Setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab untuk dilaksanakan, antara tanggungjawab tersebut ialah membangunkan umat Islam untuk maju dan berjaya. Kunci utamanya ialah dengan melaksanakan

kehidupan menurut al-Quran dan al-Sunnah sepertimana yang telah dipimpin oleh Rasulullah SAW. Ingatlah pesanan Baginda kepada kita melalui hadis riwayat Imam Malik,

Mafhumnya: “Aku telah meninggalkan pada kamu sekalian dua perkara yang kamu tidak akan sesat selagi mana kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu: kitab Allah (al-Quran) dan Sunnah nabi-Nya”

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

14. Jika kita membuka kembali lembaran sejarah Rasulullah SAW ketika baginda berjaya membentuk Kota Madinah, peristiwa tersebut membuktikan Islam telah diterima baik oleh masyarakat bukan Islam pada ketika itu. Perlembagaan Madinah merupakan manifestasi pembentukan negara berasaskan kebajikan, toleransi, demokrasi, bercirikan pembangunan sosial, ekonomi, perhubungan antara agama dan antarabangsa yang amat unik.

15. Kejayaan ini seterusnya mendaulatkan negara Islam dan memaparkan ciri-ciri pemimpin yang unggul serta mendapat keredaan Allah SWT. Justeru itu, sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum dan etnik, kita seharusnya mengambil iktibar dan pengajaran supaya semua pendekatan atau inisiatif yang diambil oleh Baginda SAW dipraktikkan di negara kita khususnya di negeri Melaka.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

16. Pada kesempatan ini juga, saya secara peribadi dan mewakili barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Melaka mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua

penerima Anugerah Khas Maulidur Rasul sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka Tahun 1443 Hijriyyah bersamaan 2021 Masihi di atas sumbangan dan khidmat bakti yang telah diberikan kepada negeri Melaka.

17. Kerajaan Negeri Melaka serta barisan kepimpinan negeri ini juga sentiasa komited dan memberikan sokongan dalam melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti keagamaan. Semoga dengan penganjuran majlis ini, kita akan memperoleh ganjaran, rahmat, keberkatan dan keredaan yang tidak terhingga daripada Allah SWT kelak, Insha-Allah. Marilah kita bersama-sama meraikan

kelahiran Baginda Nabi SAW dan berdoa agar diberi syafaat oleh Baginda Nabi SAW pada hari kiamat kelak, Insha-Allah.

Tuan Yang Terutama Tun, demikianlah ucapan saya kepada para hadirin sekalian.

18. Akhir kata, saya dan seluruh ahli keluarga, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Melaka serta seluruh rakyat negeri ini, sentiasa mendoakan kesejahteraan Tun dan keluarga. Semoga Tuan Yang Terutama Tun sekeluarga diberikan kesihatan yang baik, dipanjangkan usia, dimurahkan rezeki serta sentiasa

di bawah perlindungan, rahmat dan kasih sayang Allah SWT, Insha-Allah.

19. Saya doakan majlis kita pada pagi ini dirahmati Allah SWT dan perpisahan kita selepas ini dilindungi-Nya dan kita semua tergolong dalam kalangan mereka yang beriman.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ